

# Ibn al-'Arabi dan Penulisan Sejarah Islam

## [Ibn al-'Arabi and Islamic History Writing]

**BITARA**Volume 1, Issue 1, 2018: 052-062  
© The Author(s) 2018  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>Roslan Abdul Rahman,<sup>1</sup> & \*Azmul Fahimi Kamaruzaman<sup>1</sup>

### Abstrak

Ibn al-'Arabi (468-543H/1076-1148M) merupakan seorang ilmuwan Islam Andalus terkemuka abad ke-6 hijrah. Beliau merupakan seorang sarjana yang banyak meninggalkan sumbangan dalam bidang keilmuan Islam. Pada hari ini, nama beliau selalu dipetik dalam perbincangan ilmiah terutama melibatkan bidang fiqh, hadith dan tafsir. Kebanyakan karya beliau dalam bidang tersebut, dijadikan sumber rujukan generasi masa kini. Selain terkenal dalam bidang tersebut, Ibn al-'Arabi juga memiliki sumbangan dalam bidang sejarah Islam, meskipun nama beliau tidak dikenali dalam bidang tersebut. Kemunculan karya *al-'Awasim Min al-Qawasim*, membuktikan kewujudan sumbangan Ibn al-'Arabi dalam bidang sejarah Islam. Walaupun karya tersebut bukan karya sejarah seperti karya al-Tabari dan al-Mas'udi, namun terdapat padanya perbincangan mengenai isu-isu kontroversi para Khulafa' al-Rashidin. Kemunculan karya *al-'Awasim Min al-Qawasim*, secara tidak langsung membuktikan kewujudan penulisan Ibn al-'Arabi dalam bidang sejarah Islam. Justeru itu, artikel ini ditulis bertujuan memahami bentuk penulisan Ibn al-'Arabi dalam bidang sejarah Islam dan implikasi penulisan tersebut dalam memurnikan karakter Khulafa' al-Rashidin. Bagi mencapai tujuan tersebut, data dan maklumat berkaitan diperolehi melalui tinjauan kepustakaan iaitu rujukan ke atas sumber primer (*masadir*) dan sekunder (*maraji'*). Kemudian data dianalisis menggunakan pendekatan deskriptif dan komparatif. Hasil kajian mendapati bahawa, Ibn al-'Arabi memiliki penulisan tersendiri dalam bidang sejarah Islam yang dilihat memberi impak dalam memurnikan karakter para Khulafa' al-Rashidin, iaitu melalui penghasilan karya *al-'Awasim Min al-Qawasim*.

### Kata Kunci

Ibn al-'Arabi, *al-'Awasim Min al-Qawasim*, Ulasan Isu Kontroversi Khulafa' al-Rashidin

### Abstract

Ibn al-'Arabi (468-543H / 1076-1148M) was a prominent Andalusia Muslim scholar of the 6th century. He was a researcher who had given up numerous contributions in the field of Islamic studies. Today, his name is often cited in scholarly discussions, particularly in the areas of fiqh, hadiths and interpretations. Many of his fieldworks have served as a point of reference for today's generation. In addition to being popular in the field, Ibn al-'Arabi also contributes to the field of Islamic history, even though his name is not known in that area. The emergence of *al-'Awasim Min al-Qawasim's* work confirms the existence of Ibn al-'Arabi's contribution to the field of Islamic history. Although it is not a historical work like the works of al-Tabari and al-Mas'udi, it does contain debates on the controversial issues of the Khulafa' al-Rashidin. The emergence of work like *al-'Awasim Min al-Qawasim*, indirectly proves the existence of Ibn al-'Arabi's writings in Islamic history. This article is therefore written to explain the essence of Ibn al-'Arabi's writing in Islamic history and its consequences for purifying the character of Khulafa' al-Rashidin. To achieve this objective, data and related information were collected through a library survey of references to primary (secondary) and secondary (advanced) sources. A descriptive and comparative method was used to analyze the data. The findings prove that Ibn al-'Arabi has his writing in the field of Islamic history which is seen to

<sup>1</sup>Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

### Corresponding Author:

Azmul Fahimi Kamaruzaman, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.  
E-mail: [azmul@ukm.edu.my](mailto:azmul@ukm.edu.my)

influence purifying the character of the Khulafa 'al-Rashidin, through the production of al-'Awasim Min al-Qawasim.

#### Keywords

Ibn al-'Arabi, al-'Awasim Min al-Qawasim, Commentary on the Controversial Issue of Khulafa 'al-Rashidin

#### Cite This Article:

Roslan Abdul Rahman & Azmul Fahimi Kamaruzaman. 2018. Ibn al-'Arabi dan Penulisan Sejarah Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(1): 52-62.

## Pengenalan

### Biografi Ibn al-'Arabi

Nama sebenar Ibn al-'Arabi ialah Muhammad ibn 'Abd Allah ibn Muhammad ibn 'Abd Allah ibn Ahmad ibn al-'Arabi al-Mu'afiri. Terkenal dengan *kunyah* Ibn al-'Arabi dengan bacaan *ma'rifah*, membezakan nama beliau dengan nama tokoh kerohanian terkenal, Ibn 'Arabi al-Ta'i (al-Badwi 2012: 8).

Nasab keturunan Ibn al-'Arabi berasal dari Yaman (Raghib 2010: 323). Menurut Sa'id A'rab, Ibn al-'Arabi berketurunan Ma'afir ibn Ya'fur ibn Malik ibn al-Harith ibn Murrah yang bersambung nasab keturunannya dengan Bani Qahtan (Sa'id 1987: 9). Bani Qahtan terdiri daripada dua kabilah utama, kabilah Himyar dan kabilah Kahlan. Kabilah Kahlan terdiri daripada suku-suku kecil iaitu Hamdan, Lakhm, Juzam dan Ma'afir (Mubarakfuri 2010: 22). Suku Ma'afir kebanyakan mereka menetap di Mesir dan memasuki Andalus setelah umat Islam berjaya menguasai wilayah tersebut pada tahun 92H (al-Sam'ani 1999: 322).

Ibn al-'Arabi dilahirkan di Ishbiliyyah (Sevilla) pada Khamis 22 Syaaban tahun 468H/1075M (al-Khatib 1952: 9) dalam persekitaran politik yang mencabar. Konflik perebutan kuasa dan pergolakan politik era Muluk al-Tawa'if (422H-448H/1031H-1056M), penguasaan Dinasti Murabitun ke atas wilayah Andalus pada tahun 448H/1056M hingga 541H/1146M dan kebangkitan Dinasti Muwahhidun dari tahun 524H/1130M hingga 667H/1269M (Raghib 2010: 321) melatari kehidupan beliau.

Dibesarkan dalam keluarga ternama terdiri daripada tokoh sarjana dan ahli politik terkenal. Bapanya, 'Abd Allah ibn Muhammad (m.493H) seorang menteri di bawah pemerintahan Banu 'Abbad (414H-484H/1023M-1091M) dan seorang ahli sastera terkenal di Ishbiliyyah (Ibn Bashkuwal 1989: 438). Datuk sebelah ibunya, Abu Hafs 'Umar al-Huzani (m.460H) seorang imam dan khatib di Masjid Cordoba pada akhir pemerintahan Bani Umayyah (al-Talib 2005:27). Manakala bapa saudaranya, Abu al-Qassim al-Huzani (m.512H) merupakan seorang tokoh ternama dalam bidang Qiraat al-Qur'an (al-Khatib 1952: 10).

Menjalani kehidupan sempurna sepanjang zaman kanak-kanak dan remaja, dalam lingkungan umur sekitar 9 tahun hingga 17 tahun, beliau telah didedahkan dengan tiga bidang ilmu, iaitu ilmu al-Qur'an, ilmu bahasa dan ilmu pengetahuan am, meliputi kaedah pengiraan, pembinaan dan ilmu-ilmu bersifat semasa (Sa'id 1987: 11).

Mempelajari al-Qur'an daripada bapanya dan menghafal keseluruhan al-Qur'an pada usia 9 tahun (Ibn al-'Arabi 1986:190). Mempelajari ilmu bahasa Arab, melalui pembelajaran subjek

Nahu (tatabahasa Arab) dan Bait Syair. Antara karya Nahu dipelajarinya, ialah karya berjudul al-Muqtadib oleh al-Mubarrad (w.285H) dan al-Wadih, oleh al-Zubaidy (w.379H) (Sa'id 'Arab 1987: 11). Pembelajaran Syair Arab pula tertumpu kepada pembelajaran Syair Sittah, iaitu himpunan Syair enam orang penyair terkenal, iaitu Imra' al-Qais, al-Nabighah, 'Alqamah, 'Antarah, Zuhair dan Tarafah (Sa'id 1987: 11; M. Bakhit & Jailani 2011: 153). Di samping itu, beliau tidak ketinggalan, memberi tumpuan kepada pembelajaran ilmu-ilmu semasa, seperti ilmu Matematik melibatkan pengiraan harta pusaka dan ilmu pembinaan bangunan (Sa'id 1987: 11).

Usaha bersungguh-sungguh mendalami ilmu pengetahuan pada usia remajanya, menjadi asas kukuh untuk menerima dan memahami cabang-cabang ilmu pengetahuan lain dengan mudah. Pentahqiq *al-'Awasim*, Abd. Hamid, menyifatkan, Ibn al-'Arabi sudah pun mantap dalam bidang ilmu pengetahuan sebelum mengembara ke timur tengah (Abd. Hamid 1926: 216).

## Pengembaraan Ilmiah

Pengembaraannya ke timur tengah merupakan suatu episod penting dalam konteks kesarjanaan dan pembinaan ketokohan. Hakikat ini diakui Sa'id, yang menyatakan bahawa pengembaraan ini, membuka peluang kepada Ibn al-'Arabi menyertai aktiviti-aktiviti keilmuan bersama tokoh-tokoh besar di timur tengah, selain dapat memahami isu-isu semasa umat Islam yang berlaku di timur tengah. Meskipun pengembaraan ini atas tujuan politik, kerana mengikuti bapanya ke Baghdad, atas arahan Yusuf Tashifin, penguasa Dinasti Murabitun, dalam usaha mengadakan hubungan diplomatik dengan khalifah 'Abbasiyyah. Namun dalam konteks Ibn al-'Arabi, pengembaraannya ke timur tengah dengan niat mendalami ilmu pengetahuan (Sa'id 1987: 29).

Pengembaraan bermula pada tahun 485H dalam usianya tujuh belas tahun. Beliau meninggalkan tanah kelahirannya, Andalus, menuju ke utara Afrika. Menjejakkan kaki ke Bijayah, sebuah bandar pinggir laut di Maghribi (Hamawi 1995: 339). Selang beberapa hari, beliau menuju Qairawan, pusat keilmuan terpenting di Tunisia. Kesempatan berada di Qairawan, menemukan beliau dengan tokoh fiqh terkenal, Abu 'Abd Allah al-Maziri (w.536H). Ibn al-'Arabi dalam karyanya, *Qanun al-Ta'wil*, mengkagumi al-Maziri, sebagai seorang *Mujtahid* fiqh Maliki (Ibn al-'Arabi 1986: 190). Di Qairawan, beliau berpeluang mengikuti kuliah ilmu dalam bidang Sastera Arab, Qiraat al-Qur'an dan perbahasan Falsafah (Sa'id 1987: 197).

Pengembaraannya memasuki Mesir, sebuah negeri yang dikuasai kerajaan Fatimiyyah. Di Mesir, Ibn al-'Arabi berpeluang menemui tokoh ahli sunnah, al-Qadhi Abu Hassan, 'Ali ibn al-Hassan (w.492H). Beliau bermazhab Shafie, terkenal sebagai penghafaz sanad hadith (al-Subki 1967:253). Pertemuan tersebut, dikatakan berlangsung di kawasan *maqam* Muhammad ibn Idris, al-Shafi'i (al-Khatib 1952:13). Di Mesir juga, beliau berpeluang melihat kepelbagaian mazhab yang diamalkan di Mesir (Sa'id 1987: 19).

Dari Mesir, pengembaraan diteruskan ke Baitulmaqdis. Antara tokoh yang ditemui beliau, ialah Muhammad ibn al-Walid al-Tartushi (w.520H), seorang tokoh besar beraliran fiqh Maliki. al-Tartushi berasal dari Turtush, sebuah kampung di Andalus, beliau berhijrah ke timur tengah pada tahun 476H dalam usaha mendalami ilmu pengetahuan dan meninggal dunia di Iskandariah tahun 520H (al-Muqqari 1968:85). Pengembaraan diteruskan lagi menuju ke kota

Damsyik, di mana Ibn al-‘Arabi telah menemui Nasir ibn Ibrahim al-Maqdisi (w.490H). al-Maqdisi, seorang tokoh bermazhab Shafie dan memiliki kepakaran dalam ilmu fiqh dan ilmu kalam (al-Subki 1967: 351).

Dari Damsyik, Ibn al-‘Arabi bergerak menuju ke Baghdad. Pemerintah ‘Abbasiyyah pada ketika itu ialah Khalifah al-Mustazhir (487-512H/1094-1118H). Menurut ‘Isa Hasan, pemerintahan al-Mustazhir berlangsung selama dua puluh empat tahun. Dalam period ini, kekuasaan ‘Abbasiyyah semakin menurun selepas kewujudan kerajaan-kerajaan Islam lain yang memberi tekanan kepada ‘Abbasiyyah. Kerajaan tersebut seperti kerajaan Fatimiyyah memerintah Mesir pada tahun 495H, kerajaan Murabitun yang memerintah Andalus dan kawasan barat Afrika pada tahun 484H (Isa 2009:379).

Kesempatan berada di Baghdad memberi peluang kepada beliau mengikuti kuliah-kuliah ilmu di Masjid seperti pembelajaran ilmu Mustalah al-Hadith, Tauhid Asha’irah, Usul al-Fiqh, bahasa dan sastera (al-Khatib 1952: 17). Antara guru beliau di Baghdad, ialah Abu al-Husayn al-Mubarak (w.500H), seorang tokoh dalam bidang hadith, Abu Bakr Muhammad ibn Ahmad (w.507H) tokoh fiqh beraliran Shafi’i dan juga tokoh kerohanian terkenal (tasawuf) dan Muhammad ibn Sa’dun (w.524), tokoh beraliran Zahiriyyah (al-Khatib 1952: 18).

Di kota Baghdad, beliau berkesempatan menemui tokoh agama dan falsafah Islam terkenal, iaitu Abu Hamid al-Ghazali (w.505H). Pertemuan dengan al-Ghazali dicatatkan, ketika beliau memasuki Institut Nizamiyyah. al-Ghazali berkhidmat sebagai pensyarah di Institut tersebut. Kesempatan menghadiri kuliah dan mendengar bicara ilmu al-Ghazali di Institut tersebut, memberi satu implikasi besar bagi Ibn al-‘Arabi dalam konteks ilmu. Beliau dikatakan banyak terpengaruh dengan pemikiran al-Ghazali, terutama dalam aspek pemikiran dan fahaman akidah.

Menjelang musim haji tahun 489H, beliau meninggalkan Baghdad untuk seketika, menuju ke kota Mekah bagi tujuan mengerjakan ibadat haji, selain menziarahi *maqam* Rasulullah SAW di Madinah. Kembalinya semula ke Baghdad, atas urusan bapanya. Menurut Sa’id (1987: 63), bapanya mengadakan pertemuan dengan Khalifah al-Mustazhir dan memaklumkan perkembangan pemerintahan kerajaan Murabitun di Andalus kepada Khalifah. Sepucuk surat dari Khalifah dikirimkan kepada pemerintah kerajaan Murabitun melalui pengantaraan bapanya, sebagai suatu tanda penghargaan dan hubungan antara kedua-dua kerajaan.

Berakhirilah urusan, Ibn al-‘Arabi bersama bapanya memulakan perjalanan pulang ke tanah air Ishbiliyyah. Laluan pulang melalui wilayah Syam menuju Iskandariah. Semasa berada di Iskandariah, pada tahun 492H, bapanya meninggal dunia dan dikebumikan di situ. Keadaan itu menyebabkan beliau mengambil keputusan pulang ke Ishbiliyyah untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan kepada bapanya, menyerahkan surat Khalifah al-Mustazhir dan surat al-Ghazali kepada pemerintah kerajaan Murabitun (al-Khatib 1952: 22).

Beliau tiba di Ishbiliyyah pada tahun 493H. Wilayah Ishbiliyyah ketika kepulangannya, berada di bawah pemerintahan Yusuf Tashifin pemerintah kerajaan Murabitun. Pemerintahan Yusuf berakhir pada tahun 500H setelah beliau meninggal dunia. Diganti pula dengan anak ‘Ali ibn Yusuf (al-Khatib 1952: 23). Secara keseluruhan, Ibn al-‘Arabi berada timur tengah selama 10 tahun, dari tahun 485H/ 1092M hingga tahun 495H/ 1102M (Sa’id 1987: 32).

## Kerjaya dan Kewafatan

Kepulangan Ibn al-‘Arabi mendapat perhatian para pencinta ilmu di wilayah Ishbiliyyah untuk mengambil manfaat keilmuan daripada beliau. Berdasarkan catatan al-Khatib, munculnya halaqah-halaqah ilmu di Ishbiliyyah yang dikelolai Ibn al-‘Arabi (al-Khatib 1952: 23). Selain berkhidmat menyebarkan ilmu pengetahuan, beliau turut terlibat mempertahankan tanah airnya daripada dicerobohi pihak Kristian. Ini dibuktikan melalui catatan Sa‘id, bahawa Ibn al-‘Arabi menyeru umat Islam mempertahankan tanah air mereka daripada terus diceroboh pihak Kristian (Sa‘id 1987: 81).

Keilmuan dimiliki dan kecintaan beliau kepada tanah air, telah menarik perhatian pemerintah Murabitun di bawah pimpinan ‘Ali ibn Yusuf, melantik beliau sebagai Qadhi di Ishbiliyyah. Pelantikan tersebut dikatakan berlaku pada bulan rejab tahun 528H (Sa‘id 1987:81). Secara moralnya, pelantikan ini memperlihatkan penerimaan masyarakat dan pemerintah terhadap ilmu dan pendirian Ibn al-‘Arabi, sejak kepulangannya di tanah air. Sebagai seorang Qadhi, beliau telah melaksanakan tugasnya dengan baik. Dalam hal ini, menurut Abd. al-Hamid, Ibn al-‘Arabi, merupakan seorang Qadhi yang bersikap keras terhadap orang yang melakukan kezaliman dan bersikap lemah lembut terhadap orang miskin (Abd. Hamid 1926: 566).

Lantaran ketegasan itu, menyebabkan beliau tidak disukai oleh sebahagian pihak. Fatwa beliau yang mewajibkan umat Islam Ishbiliyyah menjadikan kulit binatang korban sebagai benteng mempertahankan wilayah Ishbiliyyah daripada sebarang pencerobohan, mengundang kemarahan sebahagian masyarakat (Abd. Hamid 1926: 567; al-Muqqari 1968: 85).

Ekoran itu, menyebabkan beliau dipecat daripada jawatan Qadhi. Beliau dikatakan menjawat jawatan tersebut dalam tempoh satu tahun beberapa bulan. Selepas dipecat, Ibn al-‘Arabi berpindah ke Cordova. Di Cordova, beliau terus menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat umum. Dalam tempoh setahun berada di Cordova, beliau kembali ke Ishbiliyyah dalam usaha menyebarkan ilmu pengetahuan. Atas tujuan itu, beliau telah membina Masjid dan membuka semula halaqah-halaqah ilmu yang diasaskan sebelum ini. Beliau mula terlibat sepenuhnya dalam bidang penulisan secara serius, dengan menghasilkan karya dalam bidang fiqh, hadith, tafsir dan sastera serta sejarah (Sa‘id 1986: 90).

Konflik politik Andalus sekali lagi bergolak, menyaksikan kerajaan Murabitun diambang kelemahan. Kebimbangan beliau terhadap wilayah Andalus kembali berpecah sebagaimana pengalaman buruk yang lepas pada era Muluk al-Tawa’if, mendesak Ibn al-‘Arabi bersama rombongan sarjana Ishbiliyyah, menuju ke utara Afrika bagi menemui pemimpin gerakan Muwahiddun, mengundang mereka menyelamatkan Andalus dari terus berada dalam kancuh konflik politik yang merugikan. Ketika berada di utara Afrika, beliau telah jatuh sakit dan meninggal dunia di situ. Peristiwa ini berlaku pada bulan Rabi’ al-Awwal tahun 543H dan dikebumikan jenazahnya di bandar Fez, Maghribi (Sa‘id 1987: 67).

Ibn al-‘Arabi telah meninggalkan karya-karya ilmu, antara yang sampai kepada kita pada hari ini selain *al-Awasim Min al-Qawasim*, ialah (al-Khatib 1952: 28-29).

1. *‘Aridhah al-Ahwazi fi Sharh al-Tarmizi* (Hadith)
2. *Anwar al-Fajr fi Tafsir al-Qur’an* (Tafsir)
3. *Qanun al-Takwil fi Tafsir al-Qur’an* (Usul Tafsir)

4. *Ahkam al-Qur'an* (Tafsir)
5. *al-Nasikh wa al-Mansukh fi al-Qur'an* (Fiqh)
6. *al-Qabs: Fi Sharh al-Muwatta' Malik ibn Anas* (Hadith)
7. *al-Masalik fi Sharh Muwatta Malik* (Hadith).

## Penulisan dalam Bidang Sejarah

Pada dasarnya nama Ibn al-'Arabi tidak terkenal dalam bidang sejarah, kebanyakan karya beliau dihasilkan dalam bidang-bidang yang lain. Beliau juga tidak dikenali sebagai seorang sejarawan seperti al-Tabari, al-Mas'udi dan Ibn Kathir. Meskipun demikian, Ibn al-'Arabi dikatakan membuat ulasan tentang isu-isu kontroversi para Khulafa' al-Rashidin dalam karyanya *al-'Awasim Min al-Qawasim*. Karya yang dihasilkan pada tahun 536H, sekitar tujuh tahun sebelum beliau meninggal dunia (al-Khatib 1952: 9), membincangkan tentang kekeliruan dalam bidang perdebatan falsafah dan persoalan teologi. Perbincangan isu-isu kontroversi para sahabat Nabi, turut dikemukakan dalam karya ini, kerana isu-isu tersebut sebahagiannya melibatkan para Khulafa' al-Rashidin yang berkait rapat dengan pegangan akidah seseorang Muslim.

Ulasan tersebut telah mendapat perhatian para pengkaji sejarah, di mana terdapat sarjana melakukan *tahqiq* khusus terhadap ulasan ini dan diasingkannya daripada keseluruhan karya *al-'Awasim*. Antara sarjana yang terlibat ialah Muhib al-Din al-Khatib (1952M), Muhammad al-Sayyid al-Shanawi (1998M) dan Mustafa Abu al-Ma'ati (2009M) di mana mereka telah menamakan *tahqiq* tersebut, dengan judul *al-'Awasim Min al-Qawasim: Fi Tahqiq Mawaqif al-Sahabat Ba'ad Wafat al-Nabi*.

Menurut M. Sulaymani, antara faktor-faktor mendorong Ibn al-'Arabi memberi ulasan dalam isu-isu kontroversi tersebut, ialah kemunculan karya-karya seperti karya *Muruj al-Dhahab* oleh al-Mas'udi dan *al-Imamah wa al-Siyasah* yang disandarkan kepada Ibn Qutaybah, memperlihatkan wujudnya ulasan negatif dalam karya-karya tersebut terhadap para sahabat Nabi. Hal ini mendorong Ibn al-'Arabi bangkit menjawab tuduhan tersebut. Ini terbukti, di mana Ibn al-'Arabi di akhir ulasan isu-isu kontroversi, menolak karya-karya tersebut dan menyarankan umat Islam supaya merujuk sumber-sumber yang sahih dalam memahami isu-isu tersebut (M. Sulaymani 1986: 48).

Kemunculan karya ini, boleh dikatakan sebagai karya perintis kepada karya-karya lain yang membicarakan isu konflik dan kontroversi dalam sejarah awal Islam. Selepas kemunculan karya ini, muncul pula karya *Minhaj al-Sunnah* oleh Ibn Taimiyyah yang membahaskan isu-isu akidah dan ilmu kalam. Kemudian disusuli oleh ramai penulis yang mengikuti cara ini dalam mengupas isu konflik dan kontroversi.

## Metode Ulasan Sejarah Islam Ibn al-'Arabi

Setiap penulis mempunyai metodologi yang tersendiri dalam menghasilkan karya mereka. Perbezaan berlaku samada dari sudut topik dan skop penulisan, penggunaan *isnad*, penyusunan karya mengikut kronologi tahun atau berdasarkan topik dan penggunaan unsur syair, *nathar* dan dialog (Wan Kamal Mujani 2014:19).

Setelah meneliti karya Ibn al-‘Arabi ini dengan mengkaji metodologi pensejarahan yang telah digunakan, terdapat beberapa skop kajian, iaitu, topik sejarah yang ditulis, metodologi huraian dan penekanan penggunaan *isnad* yang diguna pakai oleh Ibn al-‘Arabi dalam karyanya ini.

## Topik dan Skop

Topik dan skop ulasan Ibn al-‘Arabi tertumpu selepas kewafatan Nabi SAW sehingga zaman awal pemerintahan Bani Umayyah. Namun, beliau memilih untuk mengulas isu-isu kontroversi yang berkaitan dengan konflik politik atau isu-isu yang disebut sebagai *fitan* (Sahrulazmi Sidek; 2009: 17).

Tajuk perbincangan yang disentuh oleh Ibn al-‘Arabi dalam ulasan tersebut, adalah seperti berikut:

1. Peristiwa selepas kewafatan Nabi, iaitu mengenai tindakan ‘Ali, ‘Uthman, ‘Umar, keluarga ‘Abbas, kedudukan Ansar dan Muhajirin dan kedudukan tentera Usamah ibn Zaid.
2. Perhimpunan di Saqifah Bani Saidah dan pelantikan Khalifah Abu Bakar serta pelantikan Khalifah Umar secara ringkas.
3. Khalifah ‘Uthman ibn ‘Affan dan tohmahan yang dilemparkan kepadanya.
4. Khalifah ‘Ali ibn Abi Talib.
5. Konflik antara ‘Ali dan Talhah, Zubayr dan ‘A’isyah sehingga terjadinya perang Jamal.
6. Konflik antara ‘Ali dan Muawiah.
7. Perlantikan Hassan ibn ‘Ali dan pengundurannya.
8. Isu Tahkim dan dakwaan al-Rafidah tentang kedudukan ‘Ali.
9. Khalifah Mu‘awiah ibn Abu Sufian.
10. Perlantikan Yazid ibn Mu‘awiah.
11. Isu pembunuhan Husin di Iraq.
12. Kepimpinan Bani Umayyah.

Huraian beliau bergantung kepada berapa banyak isu kontroversi yang berlaku di zaman tersebut. Ulasan mengenai Khalifah ‘Uthman amat panjang kerana banyak isu dan konflik, berlaku pada era pemerintahannya. Namun tidak banyak huraian dan ulasan mengenai kepimpinan ‘Umar al-Khatab kerana tidak banyak konflik dan kontroversi pada era pemerintah ‘Umar al-Khattab.

Perbincangan mengenai Mu‘awiyah, banyak diulas oleh Ibn al-‘Arabi kerana terdapat banyak isu-isu kontroversi yang berlaku. Huraian topik Mu‘awiyah, turut meliputi isu penarikan diri Hasan ibn ‘Ali daripada jawatan khalifah, keistimewaan Mu‘awiyah, tohmahan yang dilontarkan kepadanya, pelantikan anaknya Yazid sebagai penggantinya, beberapa sungutan mengenai Yazid, pemergian Husin ibn ‘Ali ke Kufah dan topik pelantikan atau perjawatan Bani Umayyah.

Namun, Ibn al-‘Arabi tidak menyentuh isu-isu ekonomi, *futuhat*, perluasan empayar, peperangan, pertahanan, sumbangan, ketenteraan, pembangunan, pendidikan atau isu-isu sejarah yang biasa disebut oleh ahli sejarawan lain. Selain itu, beliau tidak menyatakan


beberapa topik kontroversi pada era kepemimpinan Khalifah Harun al-Rashid atau lain-lainnya (Sahrulazmi Sidek 2009: 17).

Dengan skop penulisan ini, menunjukkan bahawa Ibn al-‘Arabi antara yang terawal menulis sejarah mengenai isu-isu kontroversi dan konflik politik sejarah Islam secara khusus tanpa menyentuh mana-mana topik lain. Walaupun, sudah terdapat sejarawan Islam yang telah menyentuh topik-topik ini, tetapi penulisan Ibn al-‘Arabi secara khusus tentang topik kontroversi dengan analisis dan kritikan ilmiah, adalah suatu revolusi dalam penghasilan karya sejarah Islam. Kemudian, muncul penulis-penulis lain yang cuba mengupas isu-isu kontroversi ini. Antara yang terkenal Ibn Taimiyyah menerusi karyanya *Minhaj al-Sunnah Li al-Rad Ala al-Rafidah*, tetapi Ibn Taymiyah banyak membincangkan isu-isu akidah bukannya konflik politik.

### Kaedah *Qasimah* dan ‘*Asimah*

Kaedah *Qasimah* dan ‘*Asimah* merujuk kepada metodologi Ibn al-‘Arabi dalam mengupas isu-isu kontroversi para sahabat Nabi. *Qasimah* merupakan kata tunggal bagi perkataan *Qawasim*. Menurut *Mu‘jam al-‘Arabi al-Muyassar*, perkataan ini bermaksud *inkisar* iaitu sesuatu yang pecah, dalam konteks fakta sejarah, ia bolehlah diertikan sebagai fakta-fakta yang menyeleweng. Manakala dalam *Mu‘jam al-Wasit*, *Qasimah* bermaksud *Muhlik*, yang bermaksud perosak. Dalam karya ini, Ibn al-‘Arabi telah memulakan pembentangan fakta-fakta yang menyeleweng dalam bahagian *Qasimah* sebelum beliau menyatakan ulasan, kritikan dan pandangan beliau dalam bahagian ‘*Asimah*.

‘*Asimah* pula ialah kata tunggal bagi perkataan ‘*Awasim*. Menurut *Mu‘jam al-‘Arabi al-Muyassar*, ‘*Awasim* bermaksud *inhifaz* iaitu jagaan atau sesuatu yang perlu dipegang. Manakala dalam konteks fakta sejarah, ianya diertikan sebagai fakta-fakta yang dipegangi. Contoh pengaplikasian Ibn al-‘Arabi terhadap metodologi ini dalam ulasannya boleh dilihat dalam topik pertama perbahasan tersebut, di mana Ibn al-‘Arabi telah mengemukakan isu-isu yang berlaku selepas kewafatan Nabi SAW, seperti tindak balas Abu Bakar, ‘Ali, ‘Uthman dan ‘Umar serta keluarga ‘Ali dan ‘Abbas dalam bab *Qasimah*. Kemudian beliau menjawab isu-isu ini dengan memberi komentar pada bab ‘*Asimah*. Rajah 1 di bawah merupakan contoh pemakaian kaedah *Qasimah* dan ‘*Asimah* oleh Ibn al-‘Arabi dalam perbahasan isu-isu kontroversi sahabat Nabi SAW.



Rajah 1 Struktur perbahasan sejarah Ibn al-‘Arabi dengan menggunakan kaedah *al-Qawasim* dan *al-‘Awasim*.



## Penggunaan *Isnad*

Penggunaan *isnad* merupakan tradisi para sejarawan Islam dalam penulisan karya sejarah mereka. Dalam konteks ini, Ibn al-‘Arabi dilihat amat mementingkan penggunaan *isnad* pada perbahasan isu-isu kontroversi para sahabat Nabi. Namun, berbeza dengan sarjana lain, Ibn al-‘Arabi hanya menyebut *isnad* secara ringkas sahaja. Sebagai contoh, beliau terus menyebut nama-nama ahli hadith seperti al-Darqutni, Bukhari, Ahmad ibn Hanbal dan Malik ibn Anas. Namun terdapat keadaan, di mana Ibn al-‘Arabi menyebut *qila* (dikatakan), khususnya dalam mengutarakan tohmahan terhadap Mu‘awiyah dan Yazid, tidak diketahui siapa yang berkata itu ?

Walau bagaimana pun, Ibn al-‘Arabi sememangnya telah meletakkan *isnad* dan sumber sesuatu riwayat sebagai perkara penting. Namun demikian, beliau tidaklah konsisten dalam penggunaan *isnad*. Ini dapat dibuktikan dalam beberapa kupasannya, di mana beliau hanya sekadar menuliskan kupasan dan kritiknya sahaja tanpa menyertakan sebarang *isnad*. Beliau tidaklah menulis susur galur sanad yang bersambung-sambung seperti penulisan al-Tabari. Bahkan di penghujung bukunya ini beliau menyarankan pengambilan *isnad* melalui ahli hadith sahaja. Ini berkemungkinan penekanan beliau dalam penggunaan *isnad* dan pengambilan riwayat daripada ahli hadith, kerana isu kupasannya merupakan kupasan isu konflik dan fitnah.

## Implikasi dari Sudut Pemurnian Karakter Khulafa’ al-Rashidin

Sebagaimana dinyatakan, ulasan dihasilkan untuk menangkis serangan dan tohmahan terhadap para Khulafa’ al-Rashidin. Perbincangan mengenai peristiwa selepas kewafatan Nabi dijelaskan dengan teliti oleh Ibn al-‘Arabi, di mana beliau pada mulanya mengemukakan fakta-fakta yang rapuh dalam bab *Qasimah*. Iaitu tindakan Abu Bakar, ‘Umar, ‘Uthman dan ‘Ali selepas kewafatan Nabi. Kemudian beliau menjawab dalam bab *‘Asimah* dengan mengemukakan fakta-fakta kukuh mengenai tindakan Abu Bakar, ‘Umar, ‘Uthman dan ‘Ali ketika kewafatan Nabi. Ini secara tidak langsung, memadamkan api fitnah yang dikemukakan golongan Syiah khususnya dalam isu-isu membabitkan pelantikan Abu Bakar sebagai khalifah. Menurut Anwar al-Bazi (1998:13) kelahiran mazhab Syiah, berpunca daripada empat peristiwa, iaitu:

1. Kewafatan Nabi SAW dan perhimpunan di Saqifah Bani Saidah.
2. Fitnah pada zaman ‘Uthman.
3. Peperangan Siffin dan majlis Tahkim.
4. Pembunuhan Hussin ibn ‘Ali.

Rentetan ini, sudah tentu peristiwa ini cuba diseleweng oleh golongan Syiah yang akhirnya meracuni pemikiran umat Islam.

Kemunculan karya-karya yang menyebarkan fahaman negatif terhadap Khulafa’ al-Rashidin, antaranya karya *Muruj al-Zahab wa Ma’adin al-Jawhar*, karya al-Mas‘udi. al-Mas‘udi dalam membicarakan perihal pemerintahan ‘Uthman ibn ‘Affan, menyatakan kelemahan ‘Uthman ibn ‘Affan dalam pengurusan negara dan rakyat serta layanan buruknya terhadap beberapa orang sahabat. Antara isu-isu lain yang dibangkitkan oleh al-Mas‘udi,

tuduhan 'Uthman menjatuhkan hukuman buang daerah ke atas Abu Dhar al-Ghifari, dituduh Marwan ibn al-Hakam sebagai dalang kepada pembunuhan 'Uthman (al-Mas'udi 1970:76).

Isu yang ditimbulkan oleh al-Mas'udi, dijawab oleh Ibn al-'Arabi menerusi ulasan beliau. Beliau menegaskan bahawa kenyataan tersebut adalah batil dari sudut sanad dan matan (Ibn al-'Arabi 1952: 68). Beliau menafikan tindakan 'Uthman menjatuhkan hukuman buang negeri kepada Abu Dhar. Isu tersebut berlaku disebabkan kritikan Abu Dhar terhadap polisi pengurusan harta awam yang diamalkan Mu'awiyah di Syam. Menurut Abu Dhar, harta yang bukan milik peribadi mestilah dibahagikan dalam kalangan kaum muslimin, tanpa boleh disimpan walau sedikit pun. Namun berbeza dengan polisi yang diamalkan oleh pegawai 'Uthman di Syam, iaitu Mu'awiyah yang tidak membahagikan harta tersebut, sebaliknya disimpan untuk pembangunan negara. Lalu timbullah ketegangan antara Abu Dhar dan Mu'awiyah. Melihat situasi ini, Khalifah 'Uthman memanggil Abu Dhar pulang ke Madinah dan berlaku perbincangan antara mereka berdua, kemudian, Abu Dhar menyatakan bahawa beliau ingin keluar dari Madinah dan memilih untuk tinggal di Rabazah, dengan rela hati, bukan dijatuhkan hukuman (Ibn al-'Arabi 1952:78). Jika dilihat ulasan isu ini dalam karya *Muruj al-Zahab*, seolah-olah, ianya menggambarkan kekerasan 'Uthman ibn 'Affan dalam mengurus isu ini.

Begitu juga isu pelantikan Marwan ibn al-Hakam. al-Mas'udi menyatakan ketika kediaman 'Uthman dikepung oleh, 'Ali ibn Abi Talib telah menghantar dua orang anaknya supaya mempertahankan 'Uthman dan melindunginya daripada dibunuh. Namun, pembunuhan tetap berlaku, Uthman terbunuh. Pada ketika itu, 'Ali datang dan melihat 'Uthman dibunuh, lalu beliau memarahi anaknya, kerana tidak menghalang pembunuhan tersebut. Lalu, Talhah yang turut bersama pada ketika itu, berkata kepada Ali, "Jangan memarahi anakmu, jika Marwan yang menghalang, nescaya pembunuhan ini tidak akan berlaku". Ini merupakan dialog yang dikemukakan dalam *Muruj al-Zahab* (al-Mas'udi 1970:87).

Ibn al-'Arabi, bangkit membetulkan kenyataan ini, di mana beliau menyatakan bahawa Marwan adalah seorang yang adil dalam kalangan pembesar sahabat. Dalam kalangan sahabat, seperti Sahl ibn Sa'ad al-Saydi pernah mengambil hadith daripada Marwan. Riwayatnya pula terdapat dalam Sahih Bukhari (Ibn al-'Arabi 1952: 65). Sekiranya Marwan digambarkan sebagai seorang yang fasiq oleh sesetengah sejarawan, maka sudah tentu tidak ada ulama' dalam kalangan sahabat, tabiin dan fuqaha' yang mengambil hadith daripadanya (Ibn al-'Arabi 1952:72).

## Kesimpulan

Berdasarkan kepada penelitian terhadap biografi Ibn al-'Arabi dan ulasannya dalam isu-isu kontroversi para sahabat Nabi, menunjukkan bahawa Ibn al-'Arabi mempunyai sumbangan besar dalam bidang sejarah. Keterlibatan dalam bidang sejarah Islam jelas menunjukkan tanggungjawab beliau sebagai seorang sarjana yang bangkit melakukan Islah membina benteng bagi ummah ini dalam mempertahankan akidah mereka. Pendekatan penulisan sejarah yang dikemukakan Ibn al-'Arabi, berbeza dengan pendekatan para sejarawan yang lain sehingga karyanya menjadi perintis kepada karya-karya lain dalam konteks penulisan isu konflik. Oleh itu, kemunculan ulasan ini menjadi benteng umat Islam dalam memahami isu-isu kontroversi

melibatkan para Khulufa' al-Rashidin. Usaha Ibn al-'Arabi mempertahankan sahabat, adalah suatu sumbangan besar beliau kepada umat Islam.

## Rujukan

- A'rab, Sa'id. 1987. *Ma'a al-Qadi Abi Bakr al-'Arabi*. Bayrut: Dar al-Gharab al-Islami.
- al-Badwi, Mahmud 2002. *Rihlah al-Faqih Ibn al-'Arabi*. Bayrut: Dar al-Gharab al-Islami.
- al-Bazi, Anwar 1998. *'Ishmah al-Ayymah 'Inda al-Shiah*. Mansurah: Dar al-Wafa' lil al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi'.
- al-Dhahabi, Shams al-Din, Muhammad ibn Ahmad ibn 'Uthman. 1990. *Siyar A'lam al-Nubala'*. Tahqiq Husayn al-Asad. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Hamawi, Yaqt ibn 'Abd Allah. 1995. *Mu'jam al-Buldan*. Bayrut: Dar al-Sadir.
- Ibn al-'Arabi, Abu Bakr. 1952. *al-Awasim Min al-Qawasim fi al-Tahqiq Mawaqif al-Sahabat Ba'd Wafat al-Nabi*. Tahqiq, Muhib al-Din al-Khatib. Bayrut: al-Maktabah al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-'Arabi, Abu Bakr. 1998. *al-Awasim Min al-Qawasim Fil Tahqiq Mawaqif al-Sahabat Ba'd Wafat al-Nabi*. Tahqiq, Muhammad al-Sayyid al-Shanawi. al-Qahirah, Dar al-Qalam lil al-Turath.
- Ibn al-'Arabi, Abu Bakr. 2008. *al-Awasim Min al-Qawasim fi al-Tahqiq Mawaqif al-Sahabat Ba'd Wafat al-Nabi*. Tahqiq, Mustafa Abu al-Ma'thi. al-Qahirah: Dar al-Gad al-Jadid.
- Ibn al-'Arabi, Abu Bakr. t.th. *al-Nass al-Kamil li al-Kitab al-Awasim Min al-Qawasim*. Tahqiq, 'Abd al-Hamid Badis. al-Qahirah: Maktabah Dar al-Turath.
- Khasif, Sayyidah Isma'il. 1986. *Masadir al-Tarikh al-Islami wa Manahij al-Bahth fih*. al-Qahirah: Maktabah al-Khanaji.
- M. Bakhit Ali & M. Jailani Hamzah. 2011. Perkembangan Ilmu Nahu di Andalus: Biografi dan Sumbangan Pemikiran Tokoh Ulama. *Jurnal al-Basirah* 1(1): 28-40.
- M. Sulaymani 1986. *Tahqiq Qanun al-Takwil Lil Ibn al-'Arabi*. Jeddah: Dar al-Thaqafah.
- Maruwat Ahmat. 2003. *Sejarah Bani Umayyah di Andalus*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- al-Mas'udi, 'Ali ibn Husayn. 1980. *Muruj al-Dhahab wa Ma'adin al-Jawhar*. Bayrut: al-Maktabah al-Sharqiyyah.
- Mubarakfuri, Safi al-Rahman. 2010. *al-Rahiq al-Makhtum*. Kaherah: Dar al-Wafa'.
- al-Maqqarri, Ahmad ibn Muhammad. 1968. *Nafh al-Tibb Fil Ghushn al-Andalus al-Ratib*. Bayrut: Dar al-Sadir.
- Raghib al-Sirjani. 2010. *Qissah al-Andalus Min al-Fath Ila al-Suqut*. Kaherah. Muassasah Iqra' lil Nasr wa al-Tauzi' wa al-Turjumah.
- Sahrulazmi Sidek & Noorsafuan Che Noh. 2009. Metodologi Penulisan Ibn al-'Arabi dalam *Kitab al-'Awasim min al-Qawasim: Fi Tahqiq Mawaqif al-Sahabat Ba'da Wafat al-Nabi*. *Proceedings of The Malaysia Conference on Arabic Studies And Islamic Civilization*. 2009. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Subki, 'Abd al-Wahhab ibn 'Ali. 1967. *Tabaqat al-Shafi'iyah al-Kubra*. Tahqiq Mahmud Muhammad & 'Abd al-Fattah Muhammad. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Talib, Muhammad Khait. 2005. *al-Mu'tamid 'Abbad: Dirasah Nafsiyah*. al-Jaza'ir: Kuliyyah Abad wa al-Ulum al-Insaniyyah.
- Wan Kamal Mujani. 2014. Ketokohan dan Karya Sejarahwan Islam dari Kurun Keempat Hijrah Hingga Kurun Kelapan Hijrah. *Prosiding Seminar Pensejarahan Islam 2014*. Hlm. 19-38.